

14/03/2001

Tambahan khidmat feri ke Labuan wajar disegera

Anak Sabah

FERI adalah pengangkutan penting bagi menghubungkan Wilayah Persekutuan Labuan dengan Sabah, Sarawak dan Brunei.

Ia menghubungkan Labuan dengan Menumbok bagi membawa kenderaan ke Sabah, Sarawak dan negara jiran, Brunei.

Labuan juga boleh dihubungkan melalui bot laju dari Kota Kinabalu, Menumbok, Limbang, Lawas dan Brunei.

Feri pengangkut kenderaan perlu kerana ramai pelancong terutama penduduk dari Sabah, Sarawak dan Brunei sering berkunjung ke Labuan membawa kenderaan setiap hari.

Bagaimanapun, hasrat untuk membawa lebih ramai pelancong datang dengan kenderaan sedikit terbantut kerana hanya ada sebuah feri pengangkut kenderaan beroperasi dari Labuan ke Menumbok, Sabah.

Lebih mendukacitakan, feri berkenaan tidak lagi mampu membawa lebih banyak kenderaan pada satu masa berikutan kapasitinya terhad.

Keadaan lebih rumit menjelang hari keramaian, perayaan dan cuti persekolahan. Pengguna terpaksa berbaris panjang semata-mata untuk mendapatkan tempat dalam feri.

Saya difahamkan feri yang ada sekarang hanya mampu membawa 20 hinggg 30 kenderaan bergantung kepada saiznya. Jika kenderaan panjang seperti bas, trak dan lori panjang turut diangkut sama, kenderaan kecil terutama kereta persendirian mempunyai peluang tipis untuk naik bersama.

Malah tinjauan saya ke terminal feri berkenaan di pusat bandar mendapati hampir setiap hari kenderaan berbaris panjang menunggu giliran untuk memasuki feri itu.

Feri itu beroperasi pada jam 8.30 pagi dan 1 tengah hari dari Labuan ke Menumbok dan sebaliknya pada jam 10.30 pagi dan 3.30 petang dari Menumbok.

Untuk sesi jam 8.30 pagi, pengguna berbaris sejak tengah malam sehingga ke subuh manakala jam 1 tengah hari, mereka bersedia lebih awal sekitar jam 10 hingga 11 pagi.

Bagi menyelesaikan masalah itu, pemilik feri ketika ini Labuan Ferry Corporation (LFC) terpaksa beroperasi 24 jam pada hari-hari tertentu, hujung minggu, musim perayaan dan cuti persekolahan.

Bagaimanapun, sistem itu membahayakan pengguna kerana terpaksa menggunakan feri yang tidak berhenti-henti.

Apa akan berlaku sekiranya feri berkenaan rosak di tengah laut, pasti akan menyusahkan pengguna terutama yang membawa keluarga.

Untuk pengetahuan pembaca, feri itu mengambil masa lebih dua jam untuk tiba di destinasi Labuan/Menumbok.

Kelambatan feri berkenaan bertambah memeningkan pengguna dengan keadaan fizikal feri yang kurang selesa terutama jika hujan kerana ketiadaan bumbung di bahagian atas.

Selepas menderita sekian lama, sebuah syarikat milik Bumiputera, Labindo Marine Sdn Bhd menyediakan sebuah lagi feri pengangkut kenderaan yang baru.

Selain ruang lebih luas dan selesa, ditambah dengan kemampuannya bergerak lebih laju, feri Harapan boleh mengangkut 40 kenderaan dan 200 penumpang untuk sekali perjalanan.

Bagaimanapun, sudah berada di pelabuhan Labuan sejak tiga bulan lalu, feri berkenaan belum beroperasi. Difahamkan feri itu tidak dibenarkan mendarat di jeti Menumbok.

Syarikat itu didakwa memenuhi syarat untuk beroperasi di perairan negara

ini, tetapi masih dilarang untuk menjalankan operasinya.

Ini kerana menurut laporan akhbar tempatan Kabinet sudah meluluskan lesen bagi membenarkan sebuah lagi feri beroperasi mengangkut kenderaan dari Labuan ke Menumbok sejak 1998.

Malah Pengerusi Lembaga Pembangunan Labuan (LDA), Datuk Mustapa Mohamad dan Pengurus Besar LDA, Datuk Mohd Noor Moktar dalam kenyataan dalam media massa sejak November tahun lalu, sering mengatakan feri itu akan beroperasi tidak lama lagi.

Bagaimanapun, selepas tiga perayaan utama, Aidilfitri, Tahun Baru Cina dan Aidiladha berlalu, tanda-tanda untuk feri Harapan beroperasi belum menampakkan hasilnya.

Akhbar tempatan di Sabah minggu lalu melaporkan, pihak pengurusan syarikat Labindo Marine Sdn Bhd mengambil keputusan menghantar surat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya tindakan selanjutnya diambil bagi membenarkan feri Harapan mendarat di Menumbok.

Jurucakapnya dilaporkan berkata, pihaknya hairan mengapa Kerajaan Sabah gagal membenarkan feri Harapan mendarat dan berlabuh di Menumbok, sedangkan mereka sudah mematuhi semua syarat yang diperlukan pihak berkuasa tempatan, terutama Lembaga Pelabuhan dan Dermaga Sabah.

Beliau turut kecewa dengan tindakan itu kerana ia bukan saja menjejaskan industri pelancongan Labuan dan Sabah, malah mampu merenggangkan hubungan agensi kerajaan kedua-dua pihak.

Ini kerana, katanya, banyak pihak berkaitan industri pelancongan dan perniagaan terutama pengangkutan, perhotelan dan makanan akan memperoleh keuntungan hasil kehadiran ramai pelancong domestik dan antarabangsa ke Sabah selain Labuan sendiri.

Daerah berhampiran Labuan seperti Menumbok, Sipitang dan Beaufort pasti menerima kesan positif jika operasi pengangkutan itu ditingkatkan.